

## **APLIKASI KAEDAH HURUF BERTIAS MEMBANTU PENGUASAAN NAMA DAN BUNYI HURUF**

Oleh

**Shaufi Abd Jabbar Bin Salamin**  
**jabbar\_ipbl@yahoo.com**

### **ABSTRAK**

*Tujuan kajian tindakan ini dijalankan ialah untuk mengkaji keberkesanan aplikasi kaedah Huruf Bertias dalam menyelesaikan kekeliruan murid dalam menentukan nama dan bunyi huruf. Kajian ini telah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Cili Merah (bukan nama sebenar) di Kuching, Sarawak. Peserta kajian terdiri daripada 4 orang murid dari Tahun 4B yang memperoleh markah terendah dalam ujian banding beza nama dan bunyi huruf. Data dikumpulkan melalui kaedah ujian pra dan pasca dan kaedah temu bual. Data dianalisis melalui pengekodan transkripsi temu bual dan analisis secara kuantitatif. Keputusan kajian menunjukkan bahawa aplikasi Huruf Bertias berkesan dalam membantu mengatasi kekeliruan murid dalam menentukan nama dan bunyi huruf Jawi disamping memupuk rasa minat murid terhadap pelajaran Jawi. Kaedah Huruf Bertias ini juga membantu guru dan penyelidik mengajar kemahiran asas dalam bidang Jawi. Kaedah ini juga membantu meningkatkan amalan sendiri sebagai guru Pendidikan Islam.*

*Kata kunci: Huruf Bertias, nama huruf, bunyi huruf, kemahiran asas Jawi*

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to investigate the effect of 'Make-up Letter Method' in solving the confusedness among pupils to determine either letters' name or its sound. This research was conducted at Sekolah Kebangsaan Cili Merah (fake school name) in Kuching, Sarawak. The participants are their pupils from year 4B that scored the lowest mark in comparative test between letters' name and its sound. The data was collected through pre-then-post test and interviews. The data was then analyzed by encoding transcription from interviews and quantitative analysis. Result showed that the method helped the participants to overcome their confusedness to determine letters' name and letters' sound. Meanwhile, the method encourages pupils to learn Jawi. This method also helped teachers and researcher to teach basic knowledge in Jawi Studies. This method also helped to improve my own practise as an Islamic Studies' teacher.*

*Keywords: 'make-up letter', letters' name, letters' sound, basic knowledge of Jawi Studies*

## **PENGENALAN**

Saya merupakan guru pelatih semester 8 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak. Pengkhususan pengajian saya ialah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Saya telah menjalankan praktikum fasa 3 yang mengambil masa selama 3 bulan. Praktikum tersebut merupakan fasa yang terakhir dalam proses melatih dan mendedahkan guru pelatih kepada dunia pendidikan sebelum ditempatkan disekolah-sekolah sebagai guru tetap terlatih. Sepanjang menjalankan praktikum fasa 3 tersebut, saya bertanggungjawab untuk mengajar tahun 4 iaitu 4P dan 4B yang merupakan kelas pertama dan kelas keempat dalam 5 buah kelas tahun 4 disekolah tersebut.

### **Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran**

Semasa praktikum fasa 1 dan fasa 2, saya telah mengenalpasti kekeliruan murid dalam penggunaan huruf hijaiyah dalam bidang jawi dan bidang tilawah Al-Quran. Saya mendapati murid-murid di dua buah sekolah tersebut keliru dalam penggunaan nama huruf dan bunyi huruf semasa pelajaran jawi ataupun Al-Quran dijalankan. Berdasarkan pengalaman lepas dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bidang jawi, semasa saya menjalankan satu permainan berkonsepkan permainan *Hang Man* yang saya ubahsuai dalam versi jawi, murid-murid cenderung untuk menyebut bunyi huruf berbanding menyebut nama huruf itu sendiri.

### **Isu Keprihatinan**

Kajian ini mengambil kira beberapa aspek iaitu aspek kebolehtadbiran, kebolegunaan, kawalan, kolaborasi dan kerelevanan kajian ini kepada sekolah. Aspek kebolehtadbiran ditekankan dalam kajian ini merujuk kepada perancangan yang saya tetapkan.

Seterusnya, aspek kebolegunaan dalam kajian ini merujuk kepada perbezaan yang ada pada sesuatu huruf berbaris dengan huruf tidak berbaris. Konsep banding beza asas ini memudahkan murid dalam pemahaman konsep dan menggalakkan tindak balas positif murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Merujuk kepada aspek kawalan kajian ini pula, saya memilih empat orang murid dari kelas tahun 4B sebagai peserta kajian dalam penyelidikan tindakan ini. Keempat-empat peserta mengalami masalah yang sama iaitu kekeliruan dalam penentuan nama dan bunyi huruf.

Aspek terakhir ialah aspek kerelevanan kajian. Saya berpendapat bahawa sekiranya penyelidikan ini berjaya dijalankan, maka guru di sekolah tersebut boleh meneruskan kaedah ini dan mengubahsuai mengikut kesesuaian kebolehan murid. Guru-guru boleh menggunakan kad huruf, power point dan sebagainya sebagai suatu bentuk perubahan positif ke atas kaedah sedia ada.

### **Objektif Kajian**

#### **Objektif am**

Menganalisis tahap penguasaan murid dalam penggunaan huruf hijaiyah.

#### **Objektif khusus**

- a) Mengkaji sebab kekeliruan penggunaan nama dan huruf hijaiyah.
- b) Mengenalpasti penguasaan murid dalam membezakan antara nama dan bunyi huruf hijaiyah.
- c) Menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

### **Persoalan Kajian**

Pelaksanaan kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- a) Apakah yang menyebabkan kekeliruan timbul dalam kalangan murid tentang penggunaan nama dan bunyi huruf?
- b) Sejauh mana kaedah ini dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam membezakan nama huruf dan bunyi huruf?
- c) Bagaimanakah penggunaan kaedah Huruf Berhias membantu murid membezakan antara nama huruf dan bunyi huruf?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Saya berusaha mengenalpasti masalah yang timbul tidak kira masalah kecil atau besar sebagai fokus kajian saya. Sebagai keputusan, saya berusaha untuk membantu murid saya dalam penguasaan huruf iaitu dalam aspek nama huruf dan bunyi huruf.

Hal ini kerana, berdasarkan pengalaman dalam praktikum lepas dan pengalaman yang sama yang dialami dalam praktikum fasa 3, saya mendapati sering wujud kekeliruan dalam menyebut samada nama huruf ataupun bunyi huruf tersebut terutama semasa proses mengeja. Semasa praktikum lepas, saya telah berusaha untuk membantu murid menangani kekeliruan tersebut dengan memperkenalkan kaedah Huruf Berhias.

Perkara yang menjadi perhatian semasa proses merancang ialah pemilihan instrumen kajian yang sesuai dengan matlamat kajian ini. Seterusnya, saya mempertimbangkan kaedah-kaedah pengumpulan data yang relevan serta kaedah analisis yang sesuai, agar data yang diperoleh berfokus dan berkaitan dengan tujuan asal kajian ini dilaksanakan.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Pelaksanaan kajian ini memberi fokus kepada keberkesanan kaedah Huruf Berhias berbentuk kad grafik dalam membantu murid tahun 4 membezakan antara sebutan nama huruf dengan bunyi huruf hijaiyah. Isitilah Huruf Berhias yang saya gunakan adalah merujuk kepada penekanan bunyi huruf hijaiyah. Sebagaimana yang telah saya nyatakan, bunyi huruf hijaiyah adalah ditentukan oleh kedudukan baris yang terletak pada huruf tertentu.

Perkara pertama yang saya lakukan ialah mencari peserta kajian. Perkara ini saya lakukan dengan melaksanakan ujian pra. Berdasarkan keputusan daripada saya memilih 4 orang murid sebagai peserta kajian. Melalui peserta kajian ini saya mengumpul data lain yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian ini.

Proses pelaksanaan kajian ini pada akhirnya memberi fokus kepada peningkatan prestasi dan mengatasi kekeliruan murid iaitu peserta kajian dalam menentukan nama dan bunyi huruf.

## **METODOLOGI**

### **Peserta Kajian**

Peserta kajian ini terdiri daripada 4 orang murid dari kelas 4B iaitu 2 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan prestasi selepas ujian pra dijalankan.

### **Teknik Mengumpul Data**

Pengumpulan data dilakukan dalam tempoh 4 minggu persekolahan. Data pertama yang dikumpul ialah hasil ujian pra yang dilakukan dikelas 4B. Melalui data daripada ujian pra ini, 4 orang murid telah dipilih sebagai peserta kajian. Ujian pra dan pasca yang diadakan merangkumi huruf-huruf hijaiyah terpilih. Peserta kajian mengikuti penjelasan tentang kaedah dan seterusnya diberikan ujian pasca bagi melihat kemajuan prestasi

Selain ujian pra dan pasca, saya juga menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul data. Saya mengadakan temu bual secara individu bagi mencari data berkaitan sebab kekeliruan mereka dalam penentuan nama dan bunyi huruf.

### **Teknik Menganalisis Data**

Analisis data dilakukan bermula data pertama daripada ujian pra diperolehi. Saya memeriksa setiap helaian dan menentukan markah yang diperolehi. Berdasarkan markah terendah daripada ujian pra ini, saya menentukan murid yang akan menjadi peserta kajian saya. Analisis data ujian pra dan pasca ini dipersembahkan menggunakan jadual kekerapan dan graf perbandingan prestasi ujian pra dan ujian pasca.

Data yang diperolehi daripada kaedah temu bual dianalisis dengan menggunakan kod berdasarkan tema yang telah saya tetapkan. Temu bual yang telah dijalankan ditulis semula dalam bentuk transkripsi yang lebih jelas untuk memudahkan proses pengekodan.

## **REFLEKSI**

### **Refleksi Dapatan**

#### **Apakah yang menyebabkan kekeliruan timbul dalam kalangan murid tentang penggunaan nama dan bunyi huruf?**

Semasa pelajaran Pendidikan Islam disekolah dalam bidang jawi, penggunaan aksara huruf adalah sama dalam bidang Al-Quran namun terdapat beberapa pertambahan huruf bagi menyesuaikan dengan ejaan

rumi. Penguasaan jawi merupakan suatu asas bagi memastikan penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan dapatan Nik Rosila Nik Yacob (2007), menunjukkan prestasi murid dalam Pendidikan Islam amat berkait rapat dengan penguasaan kemahiran Jawi.


Merujuk kepada dapatan yang saya peroleh daripada temu bual, saya mendapati beberapa perkara yang menjadi sebab mengapa murid tidak dapat menentukan nama dan bunyi huruf dengan tepat.

Jadual 1.  
Faktor Kekeliruan Nama dan Bunyi Huruf

Bil	Faktor	Kekerapan
1.	R1.1 Tidak ada penjelasan dari guru tentang perkara tersebut.	2
2.	R1.2 Guru kurang memberi penekanan tentang aspek tersebut.	1
3.	R2.1 Kekeliruan antara pelajaran jawi dan Al-Quran.	4
4.	R2.2 Tahap penguasaan huruf.	2

**Sejauh mana kaedah ini dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam membezakan nama huruf dan bunyi huruf?**

Kaedah Huruf Berhias yang saya ajar kepada bertujuan membantu peserta kajian membezakan antara nama dan bunyi huruf. Berdasarkan data yang saya peroleh melalui ujian pra dan pasca, saya mendapati kaedah ini mampu membantu peserta kajian untuk membezakan nama dan bunyi huruf.



Rajah 1 Graf Perbandingan Markah Ujian

Berdasarkan pemerhatian terhadap graf di atas bagi markah ujian pra hingga ujian pasca II, semua peserta kajian berjaya mendapat markah penuh bagi ujian set nama huruf dan set bunyi huruf. Perkara ini menunjukkan peningkatan dan kemajuan yang baik setelah peserta kajian memahami konsep Huruf Berhias tersebut.

**Bagaimanakah penggunaan kaedah Huruf Berhias membantu murid membezakan antara nama huruf dan bunyi huruf?**

Kaedah huruf Berhias memberi penekanan kepada penentuan nama dan bunyi huruf. Oleh yang demikian, saya telah mengadakan temu bual bagi mendapatkan presepsi peserta kajian terhadap kaedah Huruf Berhias serta menjalankan ujian akhir bagi melihat peningkatan kemahiran banding beza peserta kajian dalam membezakan nama huruf dengan bunyi huruf. Berikut merupakan transkripsi temubual bersama peserta kajian.

“Cara ini senang..kalau ada baris sebut bunyi, kalau tiada baris sebut nama huruf..ermmm, boleh..saya tahu..huruf ini ‘Nun’..bunyi huruf ini ‘Na’..”

(Transkripsi Peserta Kajian 1)

“Ini huruf ‘Jim’..bunyinya..ermmm..’Ja’..bezanya ada baris..untuk nama tiada baris..”

(Transkripsi Peserta Kajian 2)

“...faham..‘berhias’ tu huruf yang ada baris..baris tu la hiasan huruf..ermm kalau ada baris tu bunyi..”

(Transkripsi Peserta Kajian 3)

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, keempat-empat peserta menyatakan keyakinan mereka dalam membezakan nama dan bunyi huruf. Selain itu, mereka juga menunjukkan penguasaan yang baik dalam membezakan antara nama dan bunyi huruf.

Aspek kemajuan kemahiran banding beza peserta kajian juga merupakan antara aspek yang diambil berat dalam kajian ini. Oleh yang demikian, satu ujian akhir telah diberikan kepada keempat-empat peserta kajian bagi melihat prestasi mereka menentukan nama dan bunyi huruf. Jadual berikut menunjukkan kekerapan betul bagi item-item yang digunakan semasa ujian akhir.

Jadual 2.  
Kekerapan Item Betul Ujian Akhir

PK	Item											
	أ	ا	ز	ز	د	د	ش	ش	ص	ص	ج	ج
PK1	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
PK2	√	√	√	√	√	√	√	√	x	x	√	√
PK3	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
PK4	√	√	√	√	√	√	√	√	x	x	√	√

## **REFLEKSI**

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Penyelidikan tindakan yang telah saya laksanakan memberi impak positif kepada peserta kajian terutama dalam perkembangan kemahiran banding beza. Peserta kajian yang sebelum ini keliru dengan menentukan nama dan bunyi huruf kini lebih yakin sekiranya diajukan soalan yang berkaitan. Peserta kajian didedahkan cara-cara perbandingan sesuatu elemen bagi mereka menentukan perbezaan antara keduanya dan membolehkan mereka menentukan sesuatu; contohnya nama dan bunyi huruf, dengan tepat.

Secara umum, penglibatan saya selaku guru pelatih dalam melaksanakan penyelidikan tindakan ini menjadikan saya untuk lebih bersedia berhadapan dengan masalah pembelajaran lain apabila bertugas disekolah sebagai guru tetap kelak. Secara khusus, intervensi yang saya laksanakan semasa kajian ke atas peserta kajian merupakan suatu yang asas dalam pengajaran jawi. Namun demikian, saya merasakan perkara ini tidak boleh diambil endah kerana apa-apa sahaja masalah yang timbul semasa sesi pengajaran perlu ada jalan penyelesaian.

Oleh yang demikian, aplikasi Huruf Berhias yang saya gunakan semasa penyelidikan ini sebenarnya lebih bertujuan membantu peserta kajian menguasai perkara asas dalam pelajaran jawi dan Al-Quran iaitu nama dan bunyi huruf. Melalui pelaksanaan penyelidikan tindakan ini, saya dapat memperbaiki kemahiran penyampaian dan teknik pengajaran dan pembelajaran bagi matapelajaran Pendidikan Islam.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Melalui pelaksanaan penyelidikan ini, saya melatih diri menjadi seorang guru yang lebih peka terhadap situasi murid dalam aspek prestasi dan masalah yang dihadapi murid di dalam dan luar bilik darjah. Perkara ini menjadikan saya berusaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi murid. Dalam kajian ini saya sedar tentang kekeliruan murid dalam menentukan nama dan bunyi huruf. Kekeliruan ini akan membawa kepada kesan lain dalam penguasaan bidang Jawi dan Al-Quran.

Oleh itu, sebagai tindakan saya, saya telah memperkenalkan kaedah Huruf Berhias bagi membantu murid mengatasi kekeliruan ini. Apa yang saya peroleh daripada dapatan saya menyatakan kaedah ini berjaya membantu mengatasi masalah murid.

Sebagai seorang guru Pendidikan Islam, perkara pertama yang perlu saya lakukan ialah memastikan saya menguasai mata pelajaran yang saya ajar iaitu Pendidikan Islam. Seterusnya, saya perlu memastikan saya mampu menyampaikan pengajaran dalam kelas dengan baik agar murid saya mampu memahami pengajaran saya.

Pelaksanaan penyelidikan tindakan memberi peluang kepada saya untuk menganalisis kelemahan dan kekuatan sesi pengajaran dan pembelajaran saya selain memahami masalah yang dihadapi murid sama ada dalam

memahami pengajaran saya ataupun masalah dalam penguasaan kemahiran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sebagai seorang guru, khususnya guru Pendidikan Islam, saya perlu sedar akan kepentingan penguasaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Mata pelajaran ini amat berkait rapat dengan pembinaan sahsiah dan akhlak seseorang murid. Oleh itu, saya perlu sabar dan tekun dalam mendidik murid dan memastikan mereka menguasai pengajaran yang saya sampaikan.

### **Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya**

Kaedah Huruf Berhias merupakan kaedah asas bagi memastikan murid dapat menguasai nama dan bunyi bagi huruf-huruf hijaiyah. Dalam bidang Al-Quran dan Jawi, penguasaan huruf merupakan perkara asas yang diperlukan bagi menguasai peringkat-peringkat ilmu seterusnya.

Sebagai tindakan susulan, saya bercadang memperbaiki dan menambah baik kaedah pelaksanaan dengan menggabungkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Penggunaan BBM merupakan antara kaedah pengajaran yang mampu merangsang kepada minat dan penguasaan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Atan Long dan Mat Nor Hussin (1987) beliau berpendapat, bahan-bahan pengajaran dan bahan bantu mengajar ada pelbagai. Bahan-bahan itu mungkin dalam bentuk buku, carta asal atau slaid yang dipancarkan pada layar dan sebagainya yang merupakan bahan yang menyokong penyampaian isi pembelajaran.

Saya juga bercadang untuk memperkembang kajian ini kepada satu kaedah untuk memudahkan murid mengeja dan membaca jawi. Hal ini kerana, membaca dan mengeja merupakan antara cabang ilmu yang memerlukan kepada penguasaan bunyi dan nama huruf selain memerlukan kepada pengetahuan kepada penguasaan bentuk huruf dalam penulisan pada tempat yang pelbagai.

### **RUJUKAN**

- Kang Kyoung Seok. (1990), *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Nik Rosila Nik Yaacob.(2007), *Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat Dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam*, Pulau Pinang : USM
- Mat Nor Hussin, Ab. Rahman Ab. Rashid,(1988) *Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*, Siri Pendidikan Longman, Selangor, Longman Malaysia Sdn. Bhd.